

**GAYA PEMBELAJARAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN MOTIVASI PELAJAR: SATU KAJIAN TINJAUAN DI PUSAT PENDIDIKAN ANDALUS PERINGKAT MENENGAH DI SINGAPURA (LEARNING STYLE AND ITS RELATION TO STUDENT MOTIVATION: A REVIEW OF RESEARCH IN SECONDARY LEVEL SCHOOL OF ANDALUS EDUCATION CENTRE IN SINGAPORE)**

Zaharuzzaman Sulaiman  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Sulaiman, Z. & Jasmi, K. A. (2013). Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar: Satu Kajian Tinjauan di Pusat Pendidikan Andalus Peringkat Menengah di Singapura (Learning Style and Its Relation to Student Motivation: A Review of Research in Secondary Level School of Andalus Education Centre in Singapore) in *Prosiding Seminar Pasca Siswazah Pertama, Fakulti Tamadun Islam (Proceedings of the First Postgraduate Seminar, Faculty of Islamic Civilization)* at The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 26 Jun 2013, pp. 31-48. ISBN: 978-967-0194-28-8.

Abstrak

Kertas kerja ini merupakan ringkasan daripada cadangan penyelidikan peringkat sarjana yang merangkumi bab satu, dua, dan tiga. Perbincangan dimulakan dengan pengenalan, sedikit latar belakang kajian, pernyataan masalah, dan objektif kajian. Seterusnya perbincangan diteruskan dengan kajian kepustakaan yang menyentuh tentang gaya pembelajaran, teori pembelajaran, model gaya pembelajaran, konsep motivasi, dan kajian lepas. Perbahasan diteruskan dengan metodologi cadangan yang akan digunakan dalam kajian yang terdiri daripada bentuk kajian, instrumen yang digunakan, bentuk kesahan dan kebolehppercayaan, pemilihan sampel kajian, kaedah pengumpulan data, dan kaedah penganalisisan yang akan digunakan.

Abstract

This paper is a summary of the research proposal that includes graduate chapter one, two, and three. The discussion begins with an introduction, a little background research, problem statement, and research objectives. Further discussion continued with the study of literature that focuses on the learning styles, learning theory, learning styles model, the concept of motivation, and some of previous studies. Discussions continue with the proposed methodology to be used in the study. These include the design of the study, use of the instrument, the validity and reliability of the design, sample selection, data collection methods, and forms of analysis will be used.



# **GAYA PEMBELAJARAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN MOTIVASI PELAJAR DI PUSAT PENDIDIKAN ANDALUS, SINGAPURA**

(Peringkat Usulan)

Zaharuzzaman Sulaiman  
Kamarul Azmi Jasmi

## **ABSTRAK**

*Kertas kerja ini merupakan ringkasan daripada cadangan penyelidikan peringkat sarjana yang merangkumi bab satu, dua, dan tinggi. Perbincangan dimulakan dengan pengenalan, sedikit latar belakang kajian, pernyataan masalah, dan objektif kajian. Seterusnya perbincangan diteruskan dengan kajian kepustakaan yang menyentuh tentang gaya pembelajaran, teori pembelajaran, model gaya pembelajaran, konsep motivasi, dan kajian lepas. Perbahasan diteruskan dengan metodologi cadangan yang akan digunakan dalam kajian yang terdiri daripada bentuk kajian, instrumen yang digunakan, bentuk kesahan dan kebolehpercayaan, pemilihan sampel kajian, kaedah pengumpulan data, dan kaedah menganalisis data yang akan digunakan.*

## **PENGENALAN**

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) mempunyai hubungan yang sangat rapat. Lazimnya pembelajaran dikaitkan dengan pengajaran. Pembelajaran khususnya di peringkat awal memerlukan bantuan dan bimbingan seorang guru atau pendidik. Oleh itu, guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik. Pelajar belum memiliki pengetahuan dan kemahiran kaedah belajar untuk belajar. Justeru, proses P&P di

tahap rendah khususnya sekolah rendah memerlukan guru yang cekap supaya proses pembelajaran dapat berlaku dengan baik. Pembelajaran orang dewasa sedikit berbeza kerana pembelajarannya lebih terarah kepada pembelajaran sendiri (self-direction). Pelajar dewasa mempunyai pelbagai pengalaman hidup yang merupakan sumber yang paling kaya bagi pembelajaran (Noor Hisham, 2011).

Pembelajaran tidak hanya berkaitan dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula maklumat yang dipelajari tetapi merupakan aktiviti menguasai konsep dan memahami maklumat pengetahuan dan seterusnya dapat mengaplikasikannya ke dalam kehidupan (Noor Hisham, 2011). Pembelajaran melibatkan usaha menguasai kemahiran dan pengetahuan di samping membentuk sikap. Kajian dalam bidang psikologi dan pendidikan menunjukkan individu mempunyai kemahiran yang berbeza memproses maklumat. Kaedah tersendiri individu mencari, menyimpan dan mengeluarkan semula maklumat dikenali sebagai gaya pembelajaran (Noor Hisham, 2011). Oleh itu untuk berjaya, individu pelajar perlu memiliki sifat belajar dan menguasai kaedah belajar untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran.

Walau bagaimanapun, kemungkinan wujudnya pelajar yang berhadapan dengan konflik belajar apabila tidak memiliki gaya pembelajaran yang sesuai. Masalah berlaku apabila gaya pembelajaran pelajar tidak dapat disesuaikan dengan aktiviti dan gaya pengajaran guru. Akibatnya pelajar menjadi bosan dan tidak menumpukan perhatian; menyebabkan mereka gagal mendapat markah tinggi dalam peperiksaan, kurang berminat pada subjek tertentu dan seterusnya berputus asa (Noor Hisham, 2011).

## **LATAR BELAKANG MASALAH**

Di Singapura, pendidikan Islam tidak ditawarkan di sekolah-sekolah nasional. Subjek pengajian agama pernah ditawarkan pada satu ketika dahulu tetapi telah dimansuhkan pada tahun 1990 kerana kajian yang dijalankan oleh pemerintah mendapati subjek pengajian

agama tidak menggalak pembangunan sosial dan integrasi kaum yang diinginkan oleh pemerintah (Ahmad Qadri, 2010).

Kini semua sekolah menengah di Singapura mengamalkan sistem satu sesi, iaitu sekolah pada waktu pagi (Ahmad Qadri, 2010). Untuk peringkat rendah pula, pelajar darjah satu dan dua sahaja yang bersekolah pada sesi petang. Selain itu, semua peringkat sekolah diadakan pada waktu pagi. Matlamat mengadakan sekolah satu sesi adalah untuk memberi lebih ruang untuk sekolah menawarkan program-program pengayaan (enrichment) dan aktiviti-aktiviti ko-kurikular (Ahmad Qadri, 2010).

Dengan itu, peluang menjadi terbatas dengan madrasah separuh masa (madrasah masjid) dan institusi pendidikan swasta hanya dapat menawarkan program pendidikan Islam pada hujung minggu sahaja kerana para pelajar sibuk dengan aktiviti sekolah nasional. Dalam masa yang sama, ada beberapa masjid yang menawarkan kelas agama pada sebelah pagi dan petang pada hari-hari biasa, tetapi hanya untuk pelajar darjah peringkat rendah (Ahmad Qadri, 2010).

Menurut perangkaan yang diberikan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), hanya 40% daripada anak-anak Islam di Singapura mengikuti kelas-kelas agama termasuk mereka yang berada di madrasah sepenuh masa. Yang baki tidak pernah mengikuti mana-mana kelas langsung. Jumlah mereka yang tidak mengikuti mana-mana kelas agama adalah seramai 35,000 orang. Satu jumlah yang sangat besar untuk masyarakat Islam minoriti (Ahmad Qadri, 2010).

Dalam masa yang sama, madrasah separuh masa dan institusi pendidikan swasta mengamalkan pendekatan pendidikan yang bersifat konvensional dan kurang menarik kepada para pelajar yang terdedah dengan pelbagai gaya pembelajaran. Dalam satu maklum balas daripada waris pelajar, disarankan agar mutu pendidikan agama dipertingkatkan sesuai dengan keadaan pelajar yang sudah dibebani dengan pelajaran “sekular” (Ahmad Qadri, 2010). Dalam

kajian ini, institusi pendidikan swasta yang akan dikaji ialah Pusat Pendidikan Andalus.

## **PENYATAAN MASALAH**

Isu permasalahan dalam pendidikan sering dilihat dari aspek pencapaian pelajar (Rasidah, 2007). Pencapaian pelajar pusat pendidikan Andalus dalam Peperiksaan Bersama Pendidikan Agama Menengah Empat kelolaan Lembaga Penilaian dan Peperiksaan Islam (LPPI) tidak memberangsangkan beberapa tahun kebelakangan ini. Didapati kebanyakan pelajar memperolehi keputusan yang sederhana sahaja. Tidak kurang juga dalam kalangan mereka yang mendapat keputusan yang rendah. Ada juga dalam kalangan mereka berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang tetapi jumlahnya sedikit sahaja.

Satu kajian awal telah dilakukan untuk mencari masalah yang dihadapi oleh pelajar pusat pendidikan Andalus untuk mendapatkan keputusan yang baik dalam Peperiksaan Bersama Pendidikan Agama Menengah Empat. Antara masalah yang dibincangkan ialah pelajar tidak tahu gaya pembelajaran yang paling sesuai untuk dirinya, pelajar tidak bermotivasi untuk belajar dan gaya pengajaran guru tidak sepadan dengan gaya pembelajaran pelajar (Fathurrahman, 2013).

Kebanyakan pelajar menghadapi masalah dalam meningkatkan pencapaian akademik kerana gaya pembelajaran yang tidak berpadanan dengan pembelajaran pelajar serta motivasi yang kurang dalam pembelajaran. Ekoran daripada permasalahan ini, penyelidik ingin mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar yang digunakan serta hubungannya dengan motivasi pelajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar di Pusat Pendidikan Andalus serta hubungannya

dengan motivasi pelajar. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (1) Mengetahui pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar menengah tiga, Pusat Pendidikan Andalus di Singapura.
- (2) Mengetahui pasti tahap motivasi pelajar menengah tiga, Pusat Pendidikan Andalus di Singapura.
- (3) Mengetahui pasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan jantina, sekolah, sosio-ekonomi keluarga, tahap kemahiran membaca al-Quran, dan pencapaian akademik menengah dua.
- (4) Mengetahui pasti perbezaan tahap motivasi pelajar berdasarkan jantina, sekolah, sosio-ekonomi keluarga, tahap kemahiran membaca al-Quran, dan pencapaian akademik menengah dua.
- (5) Mengetahui pasti hubungan gaya pembelajaran dengan motivasi dalam kalangan pelajar menengah tiga, Pusat Pendidikan Andalus di Singapura.

## **KAJIAN KEPUSTAKAAN**

Kajian kepustakaan menyentuh beberapa tajuk yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan, iaitu gaya pembelajaran, teori pembelajaran, model gaya pembelajaran, motivasi, dan kajian-kajian lepas.

### **Gaya Pembelajaran**

Menurut Nor Zakiah (2010), gaya bermaksud kelakuan, stail atau cara. Maka gaya pembelajaran seseorang merujuk kepada stail atau cara pembelajarannya. Di bawah konteks psikologi pendidikan, gaya pembelajaran ialah cara seseorang pelajar memberi tumpuan dan tindakan untuk memproses dan memperolehi maklumat, ilmu atau pengalaman yang baru.

Kamarudin (2010) pula mengatakan gaya pembelajaran sebagai tingkah laku seseorang pelajar memberi tumpuan dan mempamerkan cara mereka memproses maklumat, menguasai pengetahuan, membina dan merumus konsep atau prinsip.

Manakala mengikut Suppiah *et. al.* (2012) pula, gaya pembelajaran merujuk kepada cara atau tingkah laku seseorang pelajar memberikan tumpuan untuk memproses, mentafsir dan memperoleh maklumat, pengetahuan, kemahiran atau pengalaman yang baharu serta membina dan merumus konsep dan prinsip.

Kesimpulannya, ketiga-tiga definisi yang diutarakan saling lengkap-melengkapi dan definisi yang diberikan oleh Suppiah *et. al.* (2012) lebih merangkumi berbanding dua definisi selainnya.

### **Teori Pembelajaran**

Pembelajaran merupakan suatu fenomena utama yang melibatkan perkembangan dan pertumbuhan individu, kemajuan sesuatu kaum dan ketamadunan mereka. Kepentingan fenomena ini telah menyebabkan para cerdik pandai umpamanya pendidik, ahli sains, psikologi dan fisiologi telah bersama-sama cuba menerokai fenomena ini supaya dapat dimanfaatkan dalam bidang pendidikan secara berkesan. Ekoran cita-cita dan usaha inilah wujudnya pelbagai prinsip atau teori yang sekarang digunakan dalam bidang pendidikan (Kamarudin, 2010). Walaupun terdapat pelbagai prinsip dan teori yang diketengahkan, namun pada asasnya teori-teori pembelajaran masa kini boleh diklasifikasikan kepada empat mazhab yang utama, iaitu behavioris, kognitif, sosial dan humanis (Mok Soon Sang, 2012).

Mazhab behavioris menghuraikan pembelajaran adalah berkaitan dengan tingkah laku. Kajian mereka ditumpukan kepada perhubungan rangsangan dan gerak balas yang menghasilkan perubahan tingkah laku. Di antara tokoh-tokoh mazhab behavioris yang berpengaruh ialah Pavlov, Thorndike dan Skinner (Mok Soon Sang, 2012).

Tokoh-tokoh mazhab kognitif menekankan proses kognitif yang sebenarnya menghasilkan perubahan tingkah laku dalam pembelajaran. Mereka tidak bersetuju dengan teori stimuli-tindak balas yang menyatakan pembelajaran berlaku kerana stimuli-tindak

balas dan latihan berulang-ulang. Mereka berpendapat pembelajaran hanyalah suatu refleksi perubahan dalaman. Di antara tokoh-tokoh mazhab kognitif ialah Bruner dan Gagne (Mok Soon Sang, 2012).

Mazhab sosial menyarankan teori pembelajaran dengan menggabungkan teori mazhab behavioris dan mazhab kognitif yang telah diuraikan di atas. Tokoh mazhab sosial seperti Bandura menegaskan pembelajaran melalui proses permodelan, iaitu pembelajaran melalui proses pemerhatian atau peniruan (Mok Soon Sang, 2012).

Mazhab humanis berpendapat pembelajaran manusia bergantung kepada emosi dan perasaannya. Mereka menegaskan setiap individu mempunyai cara belajar yang berbeza dengan individu yang lain. Oleh itu, strategi pengajaran dan pembelajaran hendaklah diatitkan mengikut kehendak dan perkembangan emosi pelajar sendiri (Mok Soon Sang, 2012).

### **Model Gaya Pembelajaran**

Model gaya pembelajaran yang akan dibincangkan ialah Model VAK (Visual, Auditori, Kinestetik), Model Felder & Silverman, Model Dunn & Dunn, Model Honey & Mumford, dan Model Kolb.

#### ***Model VAK***

Kajian menunjukkan bahawa lebih daripada 87% pelajar dalam sesebuah bilik darjah belajar bukan secara mendengar sahaja, tetapi juga dalam bentuk visual dan kinestetik (Suppiah *et. al.*, 2012). Oleh itu, tiga gaya pembelajaran yang terdapat dalam kalangan pelajar telah dikenalpasti, iaitu pembelajaran visual, auditori dan kinestetik (Suppiah *et. al.*, 2012).

Menurut Suppiah *et. al.* (2012), pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran visual ini merupakan kumpulan paling ramai dalam sesebuah kelas. Pelajar ini perlu banyak 'melihat' atau menggunakan deria penglihatan mereka untuk memahami sesuatu maklumat.



Pelajar dengan gaya pembelajaran auditori ialah kumpulan pelajar yang menyukai dan berasa selesa belajar atau menerima maklumat secara mendengar syarahan, perbincangan dan juga diberi peluang untuk bercakap (Suppiah *et. al.*, 2012). Manakala, pelajar dengan gaya pembelajaran kinestetik ialah sekumpulan pelajar yang menggemari cara pembelajaran yang memberikan peluang untuk melakukan aktiviti yang menggunakan pergerakan tubuh badan atau berbentuk amali (Suppiah *et. al.*, 2012).

#### ***Model Felder & Silverman***

Pada 1988, Richard Felder dan Linda Silverman telah menghasilkan satu model pembelajaran yang memfokus spesifik kepada gaya pembelajaran pelajar-pelajar kejuruteraan (Zubaidah, 2007). Tiga tahun kemudiannya, instrumen penilaian psikometrik, iaitu Felder & Solomon's Index of Learning Styles dihasilkan. Menurut Felder & Silverman, pada awalnya terdapat lima dimensi, iaitu Persepsi (*Sensing-Intuitive*), Input (*Visual-Auditory*), Organisasi (*Inductive-Deductive*), Proses (*Active-Reflective*) dan Pemahaman (*Sequential-Global*). Kemudian dua perubahan telah dilakukan, iaitu dimensi Organisasi (*Inductive-Deductive*) telah dibubarkan dan sub-skala *Visual-Auditory* telah diubah kepada *Visual-Verbal*.

#### ***Model Dunn & Dunn***

Menurut model Dunn dan Dunn, gaya pembelajaran merupakan kaedah seseorang menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat atau kemahiran yang baru dan sukar (Baharom Mohamad *et. al.*, 2010). Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut: a) kebanyakan individu mampu dan boleh belajar, b) setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tertentu, c) gaya pembelajaran individu akan bertindak balas dengan iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran, dan d) iklim, sumber dan pendekatan pengajaran

dan pembelajaran yang dapat disesuaikan dengan gaya pembelajaran seseorang itu akan dapat mengoptimalkan proses pembelajaran. Dun dan Dunn menyatakan individu pelajar dapat mempertingkatkan prestasi mereka sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran dapat disesuaikan dengan mengikut gaya pembelajaran mereka (Baharom Mohamad et. el., 2010).

### ***Model Honey & Mumford***

Istilah gaya pembelajaran dalam Model Honey & Mumford digunakan untuk menerangkan sikap dan tingkah laku yang menentukan gaya pembelajaran individu yang mengamalkannya. Gaya pembelajaran pelajar dalam model ini dibahagikan kepada empat kumpulan, iaitu Aktivist, Reflektif, Teoris dan Pragmatis (Baharin Abu et. al., 2007).

### ***Model Kolb***

Menurut model Kolb, terdapat empat gaya pembelajaran, iaitu Konverger, Diverger, Akomodator dan Assimilator. Instrumen bagi mengenalpasti pelajar dengan gaya pembelajaran ini dikenali sebagai *Kolb Learning Style Inventory (KLSI)* yang mengandungi 12 item soal selidik (Baharom Mohamad, 2010).

### **Motivasi**

Menurut Suppiah et. al. (2008), motivasi ialah satu kuasa yang menjana dan mengarahkan sesuatu tingkah laku. Konsep motivasi dianggap suatu usaha untuk memenuhi sesuatu keperluan atau keinginan. Individu pula lebih tertarik ke arah aktiviti-aktiviti yang memberi sokongan kepada keperluan dan keinginan tersebut. Dalam proses pembelajaran, motivasi ialah satu unsur penting yang dapat membantu pelajar dalam pencapaian akademik, khususnya. Motivasi dalam pembelajaran bermaksud menggalakkan

pelajar belajar dengan dorongan sendiri, termasuk kegiatan membuat rujukan, menyelesaikan masalah pembelajaran, membuat catatan dan mengemukakan soalan sewaktu perbincangan di dalam bilik darjah (Noriati *et. al.*, 2012).

Motivasi berpunca dari dalam ataupun dari luar diri seseorang. Motivasi yang berpunca dari dalam diri, iaitu yang didorong oleh faktor kepuasan dan ingin tahu disebut 'motivasi intrinsik'. Motivasi yang berpunca dari luar, iaitu apabila seseorang buat sesuatu bagi mendapatkan ganjaran adalah 'motivasi ekstrinsik' (Mok, 2010a).

## **KAJIAN LEPAS**

Dalam kajian '*Learning Styles of the First Year Students of Saint Louis University Laboratory High School in the School Year 2005-2006*' oleh Bernadette (2006), menunjukkan bahawa pelajar mengamalkan gaya pembelajaran visual, auditori, taktil dan kinestetik di mana gaya pembelajaran taktil adalah yang paling dominan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Melalui kajiannya, didapati pelbagai strategi pengajaran dan aktiviti dalam kelas digunakan untuk disesuaikan dengan keempat-empat gaya pembelajaran pelajar tersebut.

Manakala dalam kajian yang dibuat oleh Essi Kanninen (2009) dalam '*Learning Styles in Virtual Learning Environments*', beliau mendapati 76% pelajar mempunyai gaya pembelajaran visual, 20% pelajar berkecenderungan kepada gaya pembelajaran kinestetik dan 4% pelajar mengamalkan gaya pembelajaran auditori.

Meryem *et. al.* (2009), dalam '*The Effect of Learning Styles on Achievement in Different Learning Environments*' membincangkan perihai kajian mereka mengenai kesan gaya pembelajaran kepada pencapaian pelajar dalam persekitaran berbeza. Mereka dapati gaya pembelajaran tidak mempunyai kesan yang signifikan kepada pencapaian pelajar dalam persekitaran berbeza.

Rasidah Rashid (2007) dalam kajiannya *'Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Motivasi dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah'* mendapati kategori auditori adalah gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh responden kajian. Kategori yang kedua adalah kategori kinestetik, diikuti ketiga, iaitu kategori visual. Hasil ujian korelasi menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan, antara gaya pembelajaran pelajar dengan motivasi.

Kajian yang bertajuk *'Hubungan antara Gaya Pembelajaran dan Kaedah Pengajaran dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA) di Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan'* oleh Azizi Yahaya *et. al.* (2008) menunjukkan gaya pembelajaran auditori adalah gaya pembelajaran yang paling dominan yang diamalkan oleh responden manakala kaedah demonstrasi merupakan kaedah pengajaran yang paling dominan diamalkan oleh guru. Dalam kajian ini, didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran visual dan kinestetik dengan pencapaian mata pelajaran PKA manakala terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran auditori dengan pencapaian mata pelajaran PKA. Bagi analisis hubungan antara kaedah pengajaran dan gaya pembelajaran pula wujud hubungan yang signifikan antara kedua-duanya.

Melalui kajian yang dibuat oleh Ahmad Johari *et. al.* (2010) dalam tajuk *"Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun Tiga UTM Skudai, Johor,"* didapati pola gaya pembelajaran Diverger (57.9%) adalah paling dominan diamalkan oleh responden dan diikuti oleh pola gaya pembelajaran Asimilator (25.3%), pola gaya Akomodator (8.4%) dan pola gaya pembelajaran Konverger (8.4%). Hasil kajian juga mendapati gaya pembelajaran tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Ia juga menunjukkan gaya pembelajaran tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan jantina, kaum dan fakulti.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini merangkumi reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, kesahan soal selidik, dan analisis data.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian penerokaan analitikal berbentuk korelasi bagi mendapatkan data kuantitatif mengenai hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi pelajar. Tiga kategori gaya pembelajaran dikaji berdasarkan model VAK, iaitu kategori visual, auditori dan kinestetik. Dua aspek motivasi pelajar yang dikaji adalah intrinsik dan ekstrinsik.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Data daripada hasil soal selidik akan dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Kaedah ini dipilih kerana terdapat banyak kebaikannya dan ia sesuai dengan kajian ini. Antara kebaikannya menurut Mok (2010b) ialah kaedah tinjauan sesuai untuk mengukur pendapat, pencapaian serta sikap sampel. Kelebihan kaedah ini ialah sampel dapat memberi respon pada masa tertentu. Tinjauan pula adalah cara yang spesifik kerana data dapat dikumpulkan dengan cepat dan mudah, menjimatkan masa dan perbelanjaan, bilangan responden yang ramai dapat diadakan dan sesuai untuk gambaran sebenar mengenai maklumat populasi kajian.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Saiz sesuatu sampel boleh mempengaruhi kesignifikanan sesuatu hasil kajian. Menurut Azizi Yahaya *et. al.* (2007), saiz sampel yang terlalu besar boleh mengesan sebarang perbezaan walaupun kecil ke atas min populasi yang dinyatakan dalam hipotesis sesuatu kajian. Namun perbezaan ini mungkin tidak praktikal atau kurang bermakna. Saiz sampel yang terlalu kecil pula menurut beliau

boleh menyebabkan pengkaji hilang peluang untuk mengesan perbezaan yang mungkin penting.

Dalam kajian ini, pengkaji telah merujuk jadual saiz sampel Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970) bagi menentukan saiz sampel kajian. Berdasarkan jadual penentu saiz sampel tersebut, bilangan sampel yang sesuai ialah seramai 169 orang kerana jumlah populasinya menghampiri 300 orang.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik sebagai alat ukur bagi mengumpul data. Mok (2010b) menyarankan kaedah soal selidik kerana lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden. Instrumen soal selidik ini adalah instrumen yang diubahsuai daripada kajian Mohd Kashfi (2004) dan Mark R. Lepper *et. al.* (2005). Borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A, B dan C.

Bahagian A terdiri dari soalan yang meliputi demografi sampel seperti cawangan, jantina, pendapatan keluarga, kemahiran membaca al-Quran dan keputusan peperiksaan menengah dua, tahun lalu. Responden dikehendaki menanda 'P' pada ruangan yang berkaitan atau menulis maklumat yang dikehendaki.

Bahagian B mengandungi 15 item untuk mengkaji gaya pembelajaran responden. Item-item dalam bahagian B diubahsuai daripada soal selidik yang digunakan oleh Mohd Kashfi (2004). Gaya pembelajaran yang dikaji adalah gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik. Item aspek kajian gaya pembelajaran responden ditunjukkan seperti dalam Jadual 1. Bahagian C mengandungi 22 item yang bertujuan untuk menetapkan jenis motivasi responden sama ada motivasi intrinsik atau motivasi ekstrinsik. Item-item dalam bahagian ini diubahsuai daripada soal selidik yang digunakan oleh Mark R. Lepper *et. al.* (2005). Item aspek kajian motivasi responden ditunjukkan seperti Jadual 2.

**Jadual 1** Item aspek kajian gaya pembelajaran responden

Bil	Aspek Kajian	No. Item	Jumlah Item
1	Gaya pembelajaran visual	15 ,12 ,8 ,6 ,3	5
2	Gaya pembelajaran auditori	13 ,10 ,7 ,4 ,1	5
3	Gaya pembelajaran kinestetik	14 ,11 ,9 ,5 ,2	5
Jumlah			15

**Jadual 2** Item Aspek Kajian Motivasi Responden

Bil	Aspek Kajian	No. Item	Jumlah Item
1	Motivasi intrinsik	,15 ,13 ,11 ,8 ,5 ,3 ,2 ,1 21 ,20 ,18	11
2	Motivasi ekstrinsik	,16 ,14 ,12 ,10 ,9 ,7 ,6 ,4 22 ,19 ,17	11
Jumlah			22

### **Kajian Rintis dan Kesahan Soal Selidik**

Kajian rintis merupakan satu kajian yang dijalankan sebelum sesuatu soal selidik digunakan dalam kajian sebenar. Menurut Chua (2011), kajian rintis merujuk kepada versi kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar atau utama. Kajian rintis boleh juga merupakan pra ujian untuk mencuba instrumen kajian yang khusus (Mok, 2010b). Menurut beliau lagi, kelebihan menjalankan kajian rintis adalah dapat membantu pengkaji memperoleh petunjuk awal tentang mana-mana bahagian kajian yang mungkin tidak tepat atau gagal. Ianya juga dapat membantu pengkaji mengenal pasti

mana-mana kaedah atau instrumen kajian yang tidak betul atau kurang tepat.

Pengujian terhadap soal selidik perlu dibuat untuk melihat tahap kesahannya. Menurut Chua (2011), pengujian terhadap kesahan adalah penting untuk memastikan item yang dibuat adalah bersesuaian dengan responden yang hendak diuji. Azizi *et. al.* (2007) pula menyatakan kesahan kandungan adalah melibatkan kesemua aspek atau kandungan mengenai perkara yang hendak diukur. Kesahan kandungan instrumen merujuk kepada sejauh mana instrumen yang digunakan mampu mengumpul data yang diperlukan dalam kajian yang dijalankan. Bagi menentukan kesahan kandungan instrumen kajian ini, pengkaji akan meminta bantuan daripada pakar-pakar yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang psikologi pendidikan. Hasil daripada penilaian tersebut, pengkaji akan membuat perubahan terhadap soal selidik berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar berkenaan.

### **Analisis Data**

Penganalisan data melibatkan aktiviti seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadualkan data yang telah dikumpulkan (Mok, 2010b). Pemprosesan data yang dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berguna daripada data yang diperolehi berdasarkan jadual ringkasan pengujian statistik objektif yang terdapat pada Jadual 3.

Setelah soal selidik dikutip, pengkaji akan membuat analisis kajian ke atas data mentah yang diperolehi. Data-data mentah akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statiscal Package For Social Sciences (SPSS)* versi 14.0 bagi mengetahui kekerapan, min, peratusan setiap item dan korelasi antara gaya pembelajaran dengan motivasi pelajar. Jadual 3 menunjukkan ringkasan statistik digunakan.



Bil	Objektif Kajian	Jenis Statistik
1	Mengetahui kategori gaya pembelajaran pelajar	Min. nisihan piawai
2	Mengetahui aspek motivasi pelajar secara keseluruhan	Min. nisihan piawai, %
3	Mengetahui perbezaan antara gaya pembelajaran berdasarkan jantina	Ujian T
4	Mengetahui perbezaan antara gaya pembelajaran berdasarkan sekolah	Ujian T
5	Mengetahui perbezaan antara gaya pembelajaran berdasarkan socio-ekonomi keluarga	Ujian T
6	Mengetahui perbezaan antara gaya pembelajaran berdasarkan tahap ketiduran membaca al-Quran	Ujian T
7	Mengetahui perbezaan antara gaya pembelajaran berdasarkan pencapaian akademik menengah 2	Ujian T
8	Mengetahui perbezaan antara aspek motivasi berdasarkan jantina	Ujian T
9	Mengetahui perbezaan antara aspek motivasi berdasarkan sekolah	Ujian T
10	Mengetahui perbezaan antara aspek motivasi berdasarkan socio-ekonomi keluarga	Ujian T
11	Mengetahui perbezaan antara aspek motivasi berdasarkan tahap ketiduran membaca al-Quran	Ujian T
12	Mengetahui perbezaan antara aspek motivasi berdasarkan pencapaian akademik menengah 2	Ujian T
13	Menentukan hubungan antara gaya pembelajaran visual dengan motivasi intrinsik	Korelasi Pearson
14	Menentukan hubungan antara gaya pembelajaran auditori dengan motivasi intrinsik	Korelasi Pearson
15	Menentukan hubungan antara gaya pembelajaran kinestetik dengan motivasi intrinsik	Korelasi Pearson
16	Menentukan hubungan antara gaya pembelajaran visual dengan motivasi ekstrinsik	Korelasi Pearson
17	Menentukan hubungan antara gaya pembelajaran auditori dengan motivasi ekstrinsik	Korelasi Pearson
18	Menentukan hubungan antara gaya pembelajaran kinestetik dengan motivasi ekstrinsik	Korelasi Pearson

## RUJUKAN

- Ahmad Johari Bin Sihes dan Hanisah Binti Abdullah. (2010). "Gaya Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun Tiga UTM Skudai, Johor". Tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Qadri Mohamed Sidek. (2010). "Pendidikan Islam di Singapura: Satu Analisa Kritikal" dalam Jurnal Dakwah, Jilid 1, Bil. 1, Disember 2010. Singapura: PERGAS.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya dan Syazwani Binti Abdul Razak. (2008). "Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dan Kaedah Pengajaran Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah

- Teknik Di Negeri Sembilan”. Tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafiq Syed Mansor dan Haliza Jaafar. (2007). “Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor” dalam Research Vote No: 71881. Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharom Mohamad dan Iliyas Hashim. (2010). *Gaya Pengajaran & Pembelajaran*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bernadette Lamsis Soliba. (2006). *Learning Styles of the First Year Students of Saint Louis University Laboratory High School in the School Year 2005-2006*. Thesis. Saint Louis University. Unpublished.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Essi Kanninen. (2009). *Learning Styles in Virtual Learning Environments*. Master of Science Thesis. Tampere University of Technology.
- Fathurrahman Dawoed. (2013). *Temu bual bersama Fathurrahman Dawoed Pengarah Eksekutif Divisyen Pendidikan*. “Gaya pembelajaran dan hubungannya dengan motivasi pelajar”. Pejabat Pengarah. 20 Mei 2013.
- Kamarudin Hj. Husin. (2010). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mark R. Lepper, Sheena S. Iyengar and Jennifer Henderlong Corpus. (2005). "Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientations in the Classroom: Age Differences and Academic Correlates" in *Journal of Educational Psychology*. 2005. Vol. 97. No. 2. 184-196.
- Meryem Yilmaz Soylu dan Buket Akkoyunlu. (2009). “The Effect of Learning Styles on Achievement in Different Learning Environments” dalam *The Turkish Online Journal of Educational Technology*. October 2009. Volume 8. Issue 4. Article 4.
- Mohd Kashfi Mohd Jailani. (2004). *Gaya Pembelajaran dan Tahap Kemahiran Proses Sains Pelajar Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Mok Soon Sang. (2010a). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran & Pembelajaran*. Edisi Kedua. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Mok Soon Sang. (2010b). *Penyelidikan dalam Pendidikan Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2012). *Prinsip Teras Pengajaran & Pembelajaran I*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). "Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden" dalam kertas kerja *Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011*. 18-20 Disember, Hotel Vistana Pulau Pinang.
- Nor Zakiah Umar (2010). "Kaedah Pengajaran Ibadah Tahun Satu Fokus Kepada Istinja'k" dalam *Proceedings of International Conference on Islamic Education (ICIEd 2010)*. Bandar Baru Bangi: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2012). *Murid dan Alam Belajar*. Edisi Kemaskini. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Rasidah Binti Rashid. (2007). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan dan Abdul Aziz Abdul Shukor. (2008). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd. Aziz Abd. Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha dan Hazalizah Hamzah. (2012). *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Edisi Kedua. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Zubaidah Begam Binti Mohamed Zakaria. (2007). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik: Tinjauan Dalam kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, UTM, Skudai, Johor*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia